

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

BEKALAN SAYUR DARI CAMERON HIGHLANDS BEROPERASI SEPERTI BIASA

PUTRAJAYA, 18 Jun 2021 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat sesi libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Persatuan Peladang Sayur Cameron Highlands, Wakil Pemborong, Majlis Keselamatan Negeri Pahang, Pejabat Daerah Cameron Highlands, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, dan beberapa agensi kerajaan lain bagi memastikan bekalan sayur dari Cameron Highlands tidak terjejas meskipun Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) Kampung Raja, Cameron Highlands telah dilaksanakan bagi tujuan untuk memutuskan rantai Covid-19.

2. Kerajaan akan mengambil langkah segera untuk memastikan pengurusan tanaman ladang serta proses membawa keluar hasil pertanian daripada Cameron Highlands dapat berjalan seperti biasa. Ini termasuklah mengusulkan suntikan vaksin kepada peladang dan pekerja-pekerjanya dilaksanakan secepat mungkin.

3. Sebagaimana yang telah dimaklumkan, hanya tiga puluh (30) hingga empat puluh (40) peratus bekalan sayur Cameron Highlands datang daripada ladang-ladang di kampung Raja. Peratusan ini tidak akan menjejaskan rantai bekalan sayur di pasaran keseluruhannya. KPDNHEP

juga dimaklumkan bahawa semua kawasan tanaman sayur selain Kampung Raja di Cameron Highlands beroperasi seperti biasa.

4. Hasil daripada sesi libat urus tersebut juga, PDRM telah memaklumkan pergerakan lori-lori untuk membawa keluar sayur dari Cameron Highlands adalah dibenarkan. Pada masa yang sama, ladang sayur di kawasan Lojing dibenarkan beroperasi sepenuhnya tanpa isu pengangkutan dan pengedaran.

5. Pegawai-pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP di seluruh negara akan terus menjalankan pemantauan ke atas bekalan dan harga sayur-sayuran di pasaran. Penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 akan dilaksanakan jika terdapat mana-mana pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut.

6. Pengguna dinasihatkan tidak membuat pembelian panik kerana bekalan sayur adalah stabil dan mencukupi. Pengguna boleh membuat aduan berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang melalui pelbagai saluran aduan yang telah disediakan oleh Kementerian.

#####

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
PUTRAJAYA, 18 Jun 2021**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

